

**SOALAN NO: 390**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : RAJA DATO' KAMARUL BAHRIN SHAH  
[ KUALA TERENGGANU ]**

**RUJUKAN : BL7 [PR-1332-T68540]**

**SOALAN :**

**Raja Dato' Kamarul Bahrin Shah [ Kuala Terengganu ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan jadual perlaksanaan pembangunan Kampung Baru, Kuala Lumpur, mengikut pelan induk.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kuala Terengganu, Pelan Induk Terperinci Pembangunan Kampong Bharu (PITPKB) yang telah dimuktamadkan pada 17 Disember 2014 dan dilancarkan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri pada 15 Januari 2015 telah menetapkan pembangunan Kampong Bharu akan dilaksanakan untuk tempoh masa 20 tahun. Pelaksanaannya akan melibatkan empat (4) Fasa Utama Pembangunan iaitu Fasa 1 yang melibatkan tempoh masa 2 hingga 6 tahun, Fasa 1a melibatkan tempoh masa 1 hingga 8 tahun, Fasa 2 melibatkan tempoh masa 5 hingga 10 tahun, Fasa 3 melibatkan tempoh masa 8 hingga 16 tahun dan Fasa 4 yang melibatkan tempoh masa 15 hingga 20 tahun.


Fasa pembangunan ini dirangka dengan mengambil kira kemampuan infrastruktur sedia ada dan unjuran penggunaan bagi membekalkan keperluan utiliti pada masa hadapan. Selaras dengan keperluan menempatkan penduduk Kampong Bharu tanpa memindahkan mereka keluar semasa proses pembangunan dilaksanakan, fasa pembangunan yang dicadangkan ini juga mengambil kira aspek tersebut dengan teliti yang akan memberikan tumpuan kepada pembinaan unit-unit kediaman terlebih dahulu sebelum komponen-komponen lain dibangunkan.

**Zon A** yang terletak di pinggir jalan utama seperti Jalan Raja Muda Abdul Aziz dan Jalan Raja Abdullah mempunyai potensi untuk dilaksanakan dalam fasa 1 kerana kawasan ini teletak bersebelah dengan jalan-jalan utama yang mempunyai infrastruktur dan utiliti sedia ada.

Pembangunan di **Zon B** adalah di antara fasa 1 sehingga fasa 4. Pembangunan Zon B adalah pembangunan di dalam skala besar dan merupakan pembangunan utama Kampong Bharu. Justeru itu ia memerlukan tempoh masa yang panjang bagi melengkapkan pembangunan Kampong Bharu. Kawasan Kg. Hujung Pasir dilihat bersesuaian untuk dibangunkan pada fasa 1 kerana kawasannya yang kecil. Manakala pembangunan di kawasan tasik akan dibangunkan secara berperingkat iaitu pada fasa 2 dan fasa 4 berdasarkan sumber air yang dapat dibekalkan semasa pembangunan dijalankan.

Pembangunan di **Zon C** boleh dilaksanakan di peringkat awal pembangunan, iaitu di fasa 1a. Ini adalah kerana kaedah pelaksanaan Zon C adalah melalui pembaikan dan pemeliharaan, justeru itu ia boleh dilaksanakan pada kadar segera. Pemeliharaan Zon C ini boleh dikawal selia oleh PKB atau pihak DBKL bagi mewujudkan ruang yang lebih dinamik dan berdaya saing khususnya di Kuala Lumpur.

Lain-lain faktor yang perlu diberikan perhatian khusus adalah dari segi keupayaan pemasaran harta tanah dan peluang pelaburan adalah dengan melihat potensi ikonik sedia ada seperti masjid dan ruang niaga di Jalan Raja Alang dan kawasan sekitar Masjid Jamek Kampong Bharu. Kedua-duanya mempunyai potensi untuk dibangunkan secara menyeluruh, justeru itu pembangunan Pekan Ahad berdasarkan cadangan PITPKB dapat memberi impak yang besar pada pembangunan awal kawasan di Zon B.



Rajah 1: Pelan Pembangunan Kampong Bharu Mengikut Fasa